

Hal ini disuarakan oleh Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang, yang percaya bahawa subjek itu perlu menerapkan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menjurus ke arah pertanian moden dengan memberikan fokus kepada latihan amali.

Saranan itu timbul pada April 2019 apabila Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mencadangkan agar subjek tersebut diperkenalkan semula di semua sekolah di negara ini. Malah, daripada perbincangan awal, kementerian yang menangannya, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut menyambut baik cadangan tersebut.

Dalam hal ini, NUTP yakin subjek Sains Pertanian akan menjadi relevan dan tidak menjadikan pelajar di negara ini ketinggalan dalam Revolusi Industri 4.0 dan teknologi kecerdasan buatan (AI). Pengetahuan dalam bidang itu bukan sahaja dapat dijadikan sebagai kerjaya, tetapi turut meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang telah dilaksanakan di kebanyakan negara maju.


Cadangan ini turut mendapat sokongan tokoh pendidik, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom, yang menjelaskan bahawa PdPc bagi mata pelajaran itu penting untuk membolehkan generasi muda memahami dan menceburi sektor pertanian. Untuk kesan jangka panjang, usaha ini akan mengurangkan pergantungan negara terhadap pengimportan produk makanan. Hal ini dikatakan demikian kerana pertanian ialah perniagaan dan di kebanyakan negara maju, penggunaan teknologi moden membolehkan banyak negara menjadi pengeksport produk makanan yang menyumbang kepada KDNK negara yang terlibat. Misalnya, produk pertanian seperti

## Memacu Industri Agromakanan Negara

CADANGAN memperkenalkan semula subjek Sains Pertanian di sekolah rendah dan menengah diyakini dapat membantu menyemaikan minat generasi muda dalam bidang pertanian.

koko, kelapa sawit, getah dan padi mempunyai permintaan yang tinggi dan menyumbang kepada ekonomi negara. Oleh itu, keterlibatan golongan muda dalam bidang pertanian amatlah diharapkan agar mereka dapat menerajui bidang ini pada masa akan datang.

Keseriusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam menjadikan pertanian sebagai perniagaan turut dipacu dengan memperkenalkan Program Agropreneur Muda. Program ini dikhususkan untuk golongan belia yang berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun. Program ini dirangka



dengan mengikut kaedah dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pendekatan program ini adalah untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti pertanian yang merangkumi semua aktiviti dalam rangkaian nilai industri pertanian, seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan.

Antara objektif utama Program Agropreneur Muda termasuklah untuk menarik golongan belia



berumur antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi bidang pertanian; mengubah persepsi golongan belia terhadap sektor pertanian sebagai industri yang berdaya maju; meningkatkan pendapatan agropreneur muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif; dan menjadikan industri agromakanan sebagai bidang kerjaya masa hadapan yang menjanakan pendapatan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (2011 – 2020).

Dalam hal ini, Program Agropreneur Muda dilaksanakan

untuk golongan belia yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi aktiviti projek mengikut subsektor seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani, agropelancongan, pemasaran dan perkhidmatan sokongan industri. Sementara itu, kumpulan sasar untuk program ini termasuklah individu, graduan, ahli syarikat/perusahaan yang berdaftar perniagaan di Malaysia, ahli koperasi/kumpulan dan pertubuhan yang diiktiraf oleh kerajaan, dan projek berkumpulan yang dianjurkan oleh koperasi/pertubuhan/persatuan/kelab yang berdaftar dan disokong oleh jabatan/agensi di bawah kementerian.

Antara jenis bantuan yang disalurkan kepada peserta Program Agropreneur Muda ialah khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif melalui program pengembangan yang dilaksanakan oleh jabatan/agensi atau syarikat peneraju (yang dilantik oleh kementerian) berkaitan dengan projek yang dijalankan. Selain itu, kementerian juga menyediakan sumbangan berbentuk barangan mengikut jenis projek yang dicadangkan. Hal ini merupakan bantuan yang disediakan oleh kerajaan supaya pelaksanaannya nanti akan dapat memberikan impak yang lebih besar kepada generasi muda dan negara.

Pelaksanaan pembangunan usahawan agropreneur muda dalam sektor pertanian akan menarik minat lebih ramai golongan belia sebagai pelapis industri ini yang membolehkan industri agromakanan negara berdaya maju. Untuk itu, program yang direncanakan dijangka akan mampu meningkatkan pendapatan pengusaha khususnya golongan belia melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti dan harga pasaran yang tinggi. Pelaksanaan projek ini juga akan menyokong usaha kerajaan untuk memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi,

menepati kehendak pasaran, berkualiti dan selamat untuk dimakan dan apa-apa yang paling penting kebergantungan negara terhadap hasil pertanian dari luar negara akan dapat dikurangkan, dan sektor pertanian mengalami pertubuhan yang menggalakkan dengan lebih banyak usahawan muda dapat dilahirkan dalam industri pertanian.

Golongan muda merupakan generasi baharu yang akan menjadi harapan negara pada masa akan datang. Oleh itu, menerusi Program Agropreneur Muda, kerajaan yakin bahawa sektor pertanian akan menjadi antara sektor pilihan yang boleh menjanakan pendapatan tinggi yang dipacu oleh belia negara dan pada akhirnya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang.

### Pakej Khas Pembiayaan

Pakej Khas Pembiayaan bagi pembesaran projek pertanian yang sedia ada dengan had maksimum pembiayaan daripada agensi pembiaya adalah seperti berikut:

- Agrobank: RM50 ribu - RM200 ribu bagi setiap projek
- TEKUN Nasional: Sehingga RM50 ribu bagi setiap projek

### Matlamat Program Agropreneur Muda

- Meningkatkan pendapatan pengusaha khususnya golongan belia melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti dan harga pasaran yang tinggi.
- Menyokong usaha kerajaan untuk memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, menepati kehendak pasaran, berkualiti dan selamat dimakan.
- Pelaksanaan pembangunan usahawan agropreneur muda dalam sektor pertanian akan menarik minat lebih ramai golongan belia sebagai pelapis agar industri agromakanan negara berdaya maju.